

# SIARAN AKHBAR

28 APRIL 2022



## PENDAKWA RAYA

LWN

**RAMZIDAH BINTI PEHIN DATU KESUMA DIRAJA KOL (B) HJ ABDUL  
RAHMAN (Respondent Pertama)**

**HJ NABIL DARAINA BIN PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI  
SETIA USTAZ HJ AWG BADARUDDIN (Respondent Kedua)**

Permohonan Pendakwa Raya terhadap Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol (B) Hj Abdul Rahman (Responden Pertama) dan Hj Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Hj Awg Badaruddin (Responden Kedua) bagi perintah perampasan dan perintah mendapatkan kembali manfaat di bawah Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012 telah didengar di hadapan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar Hakim Edward Timothy Starbuck Woolley melalui telesidang hari ini.

Selepas perbicaraan di Mahkamah Tinggi pada tahun 2019, Responden Pertama telah disabitkan atas kesalahan-kesalahan jenayah pecah amanah sebanyak \$15,781,292.24 juta yang dilakukan selama 14 tahun dan pembersihan wang haram. Sementara itu, Responden Kedua disabitkan dengan tiga kesalahan pembersihan wang haram berjumlah B\$470,000.

Pendakwa Raya telah memohon wang berjumlah B\$436,352.41 dalam 12 akaun bank, 19 kenderaan bernilai B\$1,568,000 dan 456 barang mewah termasuk jam tangan, beg tangan, aksesori dan kasut bernilai B\$956,255 untuk diisyiharkan sebagai harta tercemar. Mahkamah membenarkan permohonan itu dan memerintahkan supaya harta bernilai B\$2,919,155.41 dirampas. Semua amaun yang diperoleh semula akan dibayar ke dalam Dana Perampasan Aset Jenayah.

Di samping itu, Mahkamah telah membenarkan permohonan pihak Pendakwa bagi Responden Pertama membayar kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam baki jumlah \$12,924,334.15 yang dia telah mendapat manfaat daripada penyelewengannya yang tidak diperolehi daripada rampasan itu. Sementara itu, Responden Kedua telah diperintahkan untuk membayar kepada Kerajaan \$480,708.84 yang dia telah mendapat manfaat daripada jenayah pecah amanah yang dilakukan oleh Responden Pertama. Jumlah yang diperintahkan mengambil kira pertukaran dalam nilai wang dan inflasi.

Sekiranya mereka gagal membayar jumlah yang diperintahkan oleh Mahkamah dalam tempoh 9 bulan, Responden Pertama akan menjalani hukuman penjara tambahan selama 7 tahun dan 6 bulan selepas 15 tahun penjara yang sedang dijalannya dan Responden Kedua akan menjalani hukuman penjara tambahan selama 3 tahun selepas pemenjarannya selama 7 tahun dan 6 bulan yang dijalannya.

Responden juga diperintahkan untuk membayar kos kedua-dua permohonan rampasan dan mendapatkan kembali manfaat berjumlah B\$80,000 kepada Pendakwa Raya dalam tempoh 3 bulan.

Pendakwa Raya diwakili oleh Dato Seri Setia Davinder Singh S.C dan dibantu oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya Hjh Suriana Hj Radin dan Dk Didi-Nuraza Pg Hj Abdul Latiff, dan peguam dari Davinder Singh Chambers LLC, Navin Thevar, Tan Ruo Yu dan Ayana Ki.

Siasatan ke atas mendapatkan kembali aset yang dipegang oleh kedua-dua Responden telah dijalankan oleh Biro Pencegah Rasuah.

Sheikh Noordin bin Sheikh Mohammad mewakili kedua-dua Responden.

**- TAMAT -**